

GHOST SMOKE

1,762 paket 'hantu'

■ **KPDNHEP** periksa 2,401 premis pemborong, peruncit

Mohd Husni Mohd Noor
mhusni@hmetro.com.my

Putrajaya

Sebanyak 1,762 paket gula-gula *Ghost Smoke* dirampas Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) bagi tempoh 23 hingga 31 Julai lalu mem-babitkan pemeriksaan di 2,401 premis di peringkat pemborong dan peruncit.

Pengarah Penguatkuasa KPDNHEP Datuk Iskandar Halim Sulaiman berkata, pihaknya membuka 12 kertas siasatan susulan rampasan itu mengikut Seksyen 5 Akta Perihal Dagangan 2011 kerana disyaki menjual barangan yang menggunakan perihal dagangan palsu.

Beliau berkata, jika sabit kesalahan, individu yang



PEGAWAI KPDNHEP merampas gula-gula *Ghost Smoke* di premis pemborong dan peruncit.

terbabit boleh didenda tidak melebihi RM250,000 bagi satu pertubuhan perbadanan manakala bagi peniaga bu-kan pertubuhan perbadanan pula boleh dikenakan denda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan tidak me-lebihi tiga tahun atau ke-dua-duanya.

"Kami menyedari akan kebimbangan ibu bapa, ju-steru kementerian memberi perhatian sepenuhnya ber-hubung isu ini.

"Gula-gula terbabit yang dijual dengan harga 50 sen disukai dan dijual secara meluas dalam kalangan pe-lajar sekolah.

"Justeru, bermula 23 Julai lalu, kementerian menge-rakkan anggota penguat kuasa di seluruh negara un-tuk menjalankan pemerik-saan gula-gula *Ghost Smoke* di premis-premis perniaga-an yang menjual gula-gula terbabit," katanya dalam kenyataan media, sema-lam.

Menurutnya, kementerian ingin memberi amaran dan peringatan kepada peniaga supaya menghentikan segera penjualan gula-gula *Ghost Smoke*.

Iskandar berkata, sekira-nya premis yang menjual gula-gula itu ditemui, ibu bapa dan masyarakat boleh menyalurkan aduan kepada KPDNHEP melalui talian 1-800-886 800 atau What-sapp ke 019-2794317 atau melalui portal, eaduan.kpd-nhep.gov.my untuk diambil tindakan sewajarnya.